

# Pak Lah tampilkan kesegaran baru

BSH - 6/8/2006

## PM enggan langsung merelakan diri diganggu gugat isu remeh



**Kaca Mata**  
Bersama **Hishamuddin Aun**  
→ [hishamaun@nstp.com.my](mailto:hishamaun@nstp.com.my)

**W**AKTUNYA sudah hampir tengah malam apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selesai mengharungi tiga temu bual berturut-turut di kamarnya di tingkat 39, Hotel Mulia, Jakarta, genap dua minggu lalu.

Didahului oleh agensi berita *Antara*, disusuli oleh akhbar *Republika* dan disudahi oleh saluran *Metro TV*, keramaian Perdana Menteri tidak hanya berkisar kepada soalan temu bual, malah perbualan yang diselangi selorohnya hingga setiap satu daripada mereka melampaui masa diberikan.

Di sebalik jadual yang teratur sedemikian rupa pun, beliau dikunjungi wartawan dan jurugambar sebuah lagi harian Indonesia tanpa sebarang temu janji. Mungkin walaupun tidak dibenar memumpang salah satu temu bual berkenaan, mereka berharap diberikan satu sesi berasingan. Ternyata mereka pulang hampa.

Tetapi tidak bagi tiga temu bual yang terlebih awal ditempah. Rata-rata mereka amat berpuas hati dengan kerjasama diberikan - dengan kebebasan untuk bertanya apa saja topik meskipun ketiga-tiga media lebih tertumpu kepada pergolakan di Timur Tengah.

Abdullah yang didepani mereka ketika itu adalah juga pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), yang suaranya dicari-cari mereka terhadap bagaimana kerakusan Israel terhadap Lubnan dan Palestin dapat dilenturkan walaupun tidak dibendung sama sekali.

Berlawanan dengan satu tohmahan kononnya OIC sepanjang dipengerusikan Malaysia kali ini tidak pun melakukan apa-apa, ternyata Indonesia - negara yang mempunyai jumlah penduduk Islam terbesar di dunia - amat menghargai kepemimpinannya.


Malah, tidak sukar untuk mereka memahami penjelasannya dengan sebutan bahasa Melayu baku menyerupai loghat Utara yang turut bermirip kepada bahasa Indonesia. Tidak hairan juga jika masa 35 minit yang diberikan kepada setiap satu daripada tiga media berkenaan, dirasakan mereka amat singkat.

Apa yang barangkali, tidak disadari mereka ialah sepanjang temu bual yang keseluruhannya mengambil masa dua jam itu, butir bicara Perdana Menteri tidak sekali pun terhenti oleh kerengsaan tekaknya. Tiada langsung batuknya kedengaran sebagaimana selalu.

"Saya tanya kepada pegawai-pegawai dan mereka kata tak ada pun. Kalau sebelum ni, dah jenuh batuk kalau bercakap lama macam tu," kata Abdullah untuk sekadar mengesahkan lagi perubahan pada dirinya selepas menjalani pembedahan kecil bagi mengatasi masalah resdung di sebuah pusat perubatan di Perth, Australia akhir Jun lalu.

"Sekarang saya berasa amat sihat. Saya cukup rehat untuk melakukan kerja apabila bangun tidur setiap hari. Agaknya saya tidak dapat membezakannya sebelum ini tapi sekarang saya rasa cukup sihat, cukup segar."

Seperti diakui Perdana Menteri, selama empat tahun beliau melengahkan pembedahan berkenaan kerana ia bukanlah sesuatu yang mendesak pada ke-



**PENGHORMATAN TERTINGGI:** Abdullah Ahmad Badawi berucap selepas dianugerah Ijazah Kehormat oleh Universiti Islam Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia pada 24 Julai lalu.

tika keadaan hidung yang semakin lama semakin tersumbat, tidak benar-benar menjejaskan.

Namun, beberapa bulan kebelakangan waktu rehatnya dirasakan tidak pernah cukup hingga tidur malam di antara enam hingga tujuh jam sekalipun masih membuatnya berasa mengantuk yang sukar ditahan-tahan pada siang hari.

Batuknya semakin menjadi-jadi dan kerap kali berlaku pada ketika ia sangat tidak dihajati - sewaktu sedang memengerusikan mesyuarat atau menyampaikan ucapan pada sesuatu majlis.

Doktor dan jururawat didatangkan ke kediamannya pada satu hari hanya untuk mengamati tidur malamnya sambil dirinya diwayar untuk dicatat graf degup jantungnya. Secara bergilir-gilir, mereka memerhati.

"Kita dah tidur mana nak sedar apa. Rupanya besok pagi depa kata Pak Lah tidur tiga jam saja... tiga jam lagi tak berapa tidur, resah, bernafas ikut mulut sebab hidung dah tersumbat," katanya.

Pembedahan kecil dijalaninya mengubah semua itu. Tidur malamnya kini jauh lebih tenteram sambil Pak Lah mengisytiharkan dirinya berasa sangat sihat, sangat segar dan sangat peka untuk melakukan kerja-kerja harian.

Keadaan itu, kata seorang pegawai di Pejabat Perdana Menteri, turut menampilkan suatu perubahan, dengan Abdullah kini mendesak tidak harus ada lagi sebarang kelengahan dalam melaksanakan sesuatu keputusan kerajaan dan sesuatu kerja tidak harus bertangguh.

"Bersabit dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, beliau mahu tahu itu dan ini dan setakat mana sudah ada kemajuan. Jika tiada jawapan, beliau akan menuntutnya serta-merta. Pak Lah kini semakin garang dalam memastikan sesuatu kerja terlaksana," katanya.

Keadaannya bukan pula boleh disa-

makan dengan kegopohan untuk menebus masa yang sudah terlepas atau mengejar waktu yang dirasakan semakin singkat, sebaliknya seakan-akan menyerlahkan angin kedua yang mengerahnya untuk menangani apa saja dengan pantas.

Barangkali kepada segolongan tertentu, ia harus amat melegakan kerana pembedahan resdung Perdana Menteri hanya disempurnakan lebih sedikit daripada sebulan lalu... dan bukan tiga tahun lalu.

Dalam tempoh hanya dua minggu kebelakangan, Abdullah menampilkan apakah bentuk kesegaran baru yang ingin diperlihatkannya, bermula dengan pengumuman tender bagi 880 projek pembangunan baru di bawah RMK-9 bernilai RM15 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Kemudian, di celah-celah ketegasan Kabinet menarik balik penggunaan buku panduan Konsep-konsep Hubungan Etnik yang digunakan bagi pembelajaran kursus Hubungan Etnik di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkuat kuasa serta-merta, beliau mengumumkan pula penubuhan Dana Pemudahan bernilai RM5 bilion bagi membantu sektor swasta menjayakan projek menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI) di bawah RMK-9.

Sekali lagi selepas itu perkara sensitif menuntut campur tangan segeranya apabila Abdullah mengeluarkan amaran keras mengenai tindakan tegas yang bakal diambil terhadap mana-mana pihak yang membangkitkan isu sensitif berkaitan agama kerana ia mengancam keharmonian rakyat.

Berselang tiga hari, Perdana Menteri ke selatan tanah air pula bagi mengumumkan pembangunan Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) seluas kira-kira dua setengah kali ganda saiz Singapura membabitkan pelaburan Khazanah Na-

sional bernilai RM15 bilion.

Terbaru, projek monorel dan Jambatan Kedua di Pulau Pinang - juga menerusi PFI dalam RMK-9 - diumumkan yang sendirinya menjanjikan bukan saja pembangunan rancak di selatan dan utara Semenanjung, malah di seluruh negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

Digabungkan semua itu, tidak hairanlah jika Abdullah enggan langsung merelakan dirinya diganggu-gugat oleh isu sampingan yang meremehkan, apatalagi jika ada antaranya yang bertujar hanya untuk mengacau.

Dari segi politik juga, Perdana Menteri turut menawarkan banyak sebab untuk rakyat menikmati pelbagai nikmat daripada limpahan pembangunan yang bakal terlaksana daripada terpesong kepada capak-capak yang lambat-laun akan meletihkan semua.

Bersoal-jawab mengenai rentetan keputusan silam atau pendekatan lampai tidak akan membawa negara ke mana-mana pada ketika Pak Lah lebih menutamakan Misi Nasional ke arah memacu negara mencapai matlamat Wawasan 2020 yang dirasakannya terperit pada waktu ini - dan bukan lain-lain.

Perkiraan juga amat mudah. Suatu yang baru itu akan lebih mengundang tumpuan rakyat untuk dibincang dan diperkatakan daripada sesuatu yang lama tetapi terus disebut secara berulang-ulang untuk dijaja dari satu ke ramaian ke keramaian berikutnya.

Sekali mereka ini dijawab, akan bertalu-talulah persoalan lain yang bakal berentetan kerana itulah yang direncanakan mereka.

Akan tiba juga masanya bila mereka akan letih bertanya tanpa ditimbal bala dengan jawapan dan waktu itu juga pengikut yang meriuhkan mereka akan turut penat mendengar.